

24/02/1997

Melakar kecemerlangan ilmu di luar negara

Ibrahim Saad in Universiti Cambridge

PELAJAR Malaysia di Universiti Cambridge, Britain, menyambut baik saranan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, supaya mereka mengambil bahagian secara aktif dan berkesan dalam kehidupan sebagai pelajar sama ada di bidang akademik atau aktiviti lain yang memerlukan pembabitan secara serius.

Mereka diminta menyambung dan melanjutkan imej negara diletakkan Perdana Menteri di peringkat antarabangsa selama ini. Malaysia mula dihormati dan dikagumi dalam pelbagai platform antarabangsa kerana kewibawaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pemimpin pelajar Malaysia universiti itu, Adlan Benar Omar, berkata mereka akan bergerak secara strategis dan kolektif bagi menjayakan beberapa program terutama dalam usaha menarik lebih ramai pelajar Melayu memasuki Universiti Cambridge, iaitu universiti yang paling tinggi ratingnya di Britain, melalui Projek Camtab. Projek itu bertujuan menarik lebih ramai pelajar Malaysia, khususnya pelajar Melayu memasuki Universiti Cambridge.

Di samping itu mereka juga berazam untuk bukan saja cemerlang dalam akademik yang menjadi tradisi universiti itu, tetapi muncul sebagai profesional yang dapat menyumbang kepakaran masing-masing secara lebih berkesan bagi menjayakan wawasan negara apabila pulang berkhidmat di tanah air selepas tamat pengajian kelak.

Sewaktu singgah di London selepas menghadiri persidangan antarabangsa pendidikan di Geneva baru-baru ini, Ketua Pengarah Pendidikan itu mengambil peluang ke Universiti Cambridge untuk bertemu pelajar di samping berbuka puasa bersama-sama mereka walaupun beliau terpaksa bertolak ke tanah air pada malam itu juga.

Dr Wan Zahid disertai oleh Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia (MSD) di London, Abu Hassan Adam. Kira-kira 50 pelajar dan tetamu menghadiri majlis yang diadakan di kolej kediaman Christ, Universiti Cambridge.

Menurut Adlan, kunjungan Dr Wan Zahid itu amat penting dalam meningkatkan semangat pelajar selain sebagai petanda baik dalam sokongan Kementerian Pendidikan untuk menjayakan Projek Camtab.

Dalam ucapannya, Dr Wan Zahid meminta pelajar supaya berusaha melengkapkan pengetahuan mereka di bidang multimedia sejajar dengan usaha Perdana Menteri menjadikan Malaysia sebagai pusat perkembangan dan pengkalan multimedia antarabangsa dengan Putrajaya sebagai nadi penyebarannya. Penguasaan pengetahuan terkini di bidang teknologi maklumat dan multimedia membolehkan mereka berfungsi secara optimum apabila pulang ke tanah air sebagai pembawa obor dan arkitek menjayakan Wawasan 2020.

Beliau percaya pelajar Malaysia di luar negara mampu membuktikan kecemerlangan, berdaya maju, sanggup bersaing, mampu berhujah, kreatif dan inovatif kerana mereka dipilih di kalangan pelajar yang pintar. Mereka hendaklah bersedia membuat anjakan paradigma dalam menerima perubahan dan menangani rentangan.

"Pelajar hendaklah menjadikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai role model kerana kewibawaannya bukan saja diterima di negara kita tetapi di peringkat antarabangsa, termasuk baru-baru ini oleh tokoh korporat antarabangsa yang paling kaya Bill Gates," katanya.

Dalam tempoh satu dekad kebelakangan ini Malaysia mula muncul sebagai negara yang mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa yang pada amnya kerana usaha dan kewibawaan Perdana Menteri. Kedudukan ini bukan

saja perlu dipelihara tetapi hendaklah diberi kesinambungan dan dipertingkatkan, terutama di kalangan generasi muda yang masih belajar.

Menurut Dr Wan Zahid, pelajar yang dihantar belajar di luar negara bukan sahaja dikehendaki pulang dengan pencapaian cemerlang dalam setiap bidang yang diambil, tetapi membawa bersama-sama budaya kerja cemerlang dan unsur-unsur positif lain yang sesuai dilaksanakan sebagai mempercepatkan usaha memajukan negara. Ciri inilah yang membezakan profesionalisme yang mendapat latihan di luar negara.

Menjawab satu soalan dikemukakan pelajar, Dr Wan Zahid berkata, Kementerian Pendidikan melaksanakan beberapa pendekatan dan strategi bagi memastikan slogan menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan ilmu dengan menyediakan pendidikan bertaraf dunia itu, menjadi kenyataan.

"Kita sedang berusaha menggunakan multimedia secara lebih canggih melalui konsep smart school," katanya.

"Melalui konsep itu, ilmu tidak semata-mata diperolehi melalui penyampaian guru tetapi secara penerokaan oleh pelajar sendiri melalui multimedia yang didedahkan kepada mereka."

Pelajar yang pintar pula berpeluang meneruskan pelajaran mereka dengan lebih cepat tanpa perlu mengikuti pergerakan kelas berdasarkan peringkat umur.

Menurutnya, konsep itu dilaksanakan mulai tahun ini apabila sekumpulan pelajar yang cemerlang dalam Ujian Penilaian Tahap Satu (UPTS) diadakan akhir tahun lalu, dinaikkan ke tahun lima sekolah rendah tanpa menduduki tahun empat.

"Kita mula melaksanakan pendidikan berdasarkan kecerdasan atau kebolehan mental daripada sistem tradisional dan konvensional yang berasaskan peringkat umur.

"Pendidikan tinggi di Malaysia memasuki era baru dengan lulusnya beberapa akta pendidikan baru dan akta pendidikan tinggi tahun 1995 dan awal 1996. Dengan itu lebih banyak universiti akan ditubuhkan, terutama melalui konsep pengkorporatan, pengswastaan dan program berkembar dengan penekanan dalam bidang sains, teknikal dan teknologi," katanya.

Beliau memberi jaminan kerajaan amat berhati-hati dalam membenarkan penubuhan universiti asing di Malaysia. Ini untuk memastikan ia tidak bercanggah dengan aspirasi negara.

Katanya, dengan usaha-usaha dilaksanakan sekarang, Malaysia akan menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dengan menyediakan pendidikan bertaraf dunia. Kejayaan konsep ini dapat dilihat apabila universiti kita akan menjadi tumpuan pelajar negara asing.

Dr Wan Zahid juga menyentuh mengenai hasrat Kementerian Pendidikan untuk memastikan sekolah berasrama penuh (BSP) sebagai institusi pendidikan yang unggul melahirkan pelajar cemerlang dan berkualiti.

"Kita cuma mengambil kira-kira 5,000 pelajar daripada hampir 25,000 pelajar yang mendapat 4A dalam UPSR tahun lalu memasuki SBP, iaitu ditapis di kalangan mereka yang mendapat markah yang paling tinggi. Sekiranya mereka gagal mengekalkan prestasi, kita tidak teragak-agak menggugurkan mereka daripada SBP di peringkat tingkatan empat.

"Misalnya tahun ini kira-kira 700 pelajar diminta meninggalkan SBP kerana gagal memenuhi syarat, iaitu mendapat pangkat A dalam Matematik dan Sains serta minimum dua mata pelajaran lain dalam PMR," katanya.

SBP akan terus diselia dan dikawal di samping mempertingkatkan penyediaan kemudahan bagi memastikan kualiti pendidikan dapat dipertahan dan dipertingkatkan.

Beliau yang akan bersara April ini, menganggap persidangan di Geneva dan perjumpaan dengan pelajar di Universiti Cambridge itu sebagai jadual kerja di luar negara yang terakhir. Perkhidmatannya dilanjutkan selama dua tahun setelah mencapai umur bersara pada 1995.

Mengenai bakal penggantinya, beliau berkata, ia akan ditentukan oleh kerajaan, bagaimanapun pegawai terkanan selepas beliau sekarang ialah Datuk Matnor Daim.

"Saya akan menjadi persara sepenuh masa mulai April ini. Saya bercadang hendak menetap di kampung di Perak dan kemudian akan mengisi masa menulis buku," katanya.

Sementara itu, Abu Hasan memuji penuntut Malaysia di Universiti Cambridge yang tidak menimbulkan masalah, sebaliknya berusaha keras untuk berjaya dengan cemerlang dalam pelajaran masing-masing. Beliau juga tertarik dengan tahap kepemimpinan yang ditunjukkan pelajar yang bukan saja terhad kepada kebajikan mereka di kampus tetapi melangkau ke peringkat luar dengan mengatur program penerangan kepada pelajar Malaysia peringkat A-Level di Britain dan juga di Malaysia.

Tahun ini ada 145 pelajar Malaysia menuntut di Universiti Cambridge dengan pelajar Melayu seramai 50 orang, iaitu 35 pelajar peringkat ijazah pertama dan selebihnya peringkat sarjana dan kedoktoran. Mereka mengambil pelbagai bidang pengajian seperti perubatan, kejuruteraan, ekonomi dan sejarah.

Sebagai universiti tertinggi ratingnya dan kedua tertua di Britain selepas Universiti Oxford, Universiti Cambridge mengenakan syarat kemasukan yang ketat berbanding kebanyakan universiti lain, terutama di peringkat ijazah pertama.

Pelajar yang dipilih bukan sekadar cemerlang di peringkat A-Level dengan kebanyakannya mendapat 4A, tetapi mempunyai ciri-ciri intelek dan istimewa seperti kepimpinan, kepetahan bercakap, ketahanan diri dan kesediaan menimba ilmu secara berterusan.

Pelajar ijazah pertama dikehendaki mendaftar dengan salah sebuah kolej kediaman sebelum diterima belajar di peringkat fakulti. Pada umumnya kemasukan seseorang pelajar di Universiti Cambridge adalah ditentu dan diselenggarakan di peringkat kolej kediaman.

(END)